

# EAEG elak dasar perlindungan

**KUALA LUMPUR, Isnin** — Cadangan menubuhkan Kumpulan Ekonomi Asia Timur (EAEG) bertujuan mengelakkan kewujudan dasar perlindungan perdagangan yang diamalkan oleh blok ekonomi Amerika Syarikat dan Eropah, kata Perdana Menteri, **Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad**.

Katanya, arah aliran dasar perlindungan yang wujud selama ini menghadkan perdagangan antarabangsa, memencilkan negara di luar blok dan mengganggu aliran bebas modal.

"Arah aliran seperti itu akan memberi kesan buruk terhadap ekonomi negara membangun yang mempunyai hubungan perdagangan dan ekonomi dengan negara maju yang terbabit," katanya ketika berucap merasmikan Simposium Strategi Pembangunan Bank Dunia di sini, hari ini.

Bagaimanapun, menurutnya, kesan buruk itu dapat dikurangkan jika negara seperti di Asia Timur dapat mewujudkan satu suara dalam isu-isu bersama.

"Secara persendirian kita tidak mempunyai peluang untuk menyuarakan hujah kita. Keuntungan yang kita kemukakan secara persendirian kepada blok Amerika dan Eropah tidak akan berkesan dan tidak akan diambil kira dalam penilaian mereka," ujarnya.

Perdana Menteri berkata, negara Asia Timur mesti membuktikan kepada Amerika dan Eropah bahawa dasar perlindungan mereka turut merosakkan ekonomi mereka sendiri.

"Kewujudan EAEG yang dicadangkan oleh Malaysia, jika gagal menghalang dasar perlindungan blok Amerika dan Eropah, sekurang-kurangnya dapat mencipta satu tenaga untuk pertumbuhan.

"Pembangunan tenaga ekonomi yang dinamik di rantau ini akan memberi faedah kepada negara Dunia Ketiga kerana ia dapat membantu mengurangkan kesan pembangunan di negara maju dengan mencipta ruang tambahan bagi perdagangan dan pelaburan," ujarnya.

Mengaitkan usaha itu dengan kesediaan Vietnam menyertai usaha perdagangan di rantau ini, **Datuk Seri Dr Mahathir**, berkata Vietnam patut mengkaji saranan Malaysia untuk membentuk EAEG bagi membincangkannya pada masa depan.

Katanya, Malaysia bangga dengan usaha pemulihan semula Vietnam sejak 1986 yang mula menunjukkan kejayaan, khususnya di bidang pengeluaran makanan.

Beliau memberi jaminan Malaysia akan membantu Vietnam di segi latihan dan kaedah bagi membolehkan negara itu memulihkan ekonominya dan menyertai negara rantau ini dalam usaha mewujudkan kumpulan ekonomi yang kukuh.

Vietnam menghantar perwakilan paling ramai, iaitu 11 orang, dalam simposium itu yang bertujuan mencari kaedah dalam strategi pembangunan ekonomi, khususnya di negara rantau ini. Perwakilan Vietnam diketuai oleh **Timbalan Perdana Menteri (I), Encik Vo Van Kiet**.